



**NEGERI TERENGGANU**

**ENAKMEN BIL. 12 TAHUN 2002**

Tarikh diterbitkan dalam Warta :  
Tarikh mula berkuatkuasa :

27 Februari 2003  
1 Mei 2003

---

**SUSUNAN SEKSYEN**

---

Tajuk Panjang & Mukadimah

**BAHAGIAN I**

**PERMULAAN**

Seksyen 1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa.  
Seksyen 2. Tafsiran.

**BAHAGIAN II**

**PENTADBIRAN**

Seksyen 3. Pelantikan Pegawai Pelesen.  
Seksyen 4. Kuasa Pihak Berkuasa Negeri untuk mengeluarkan arahan.  
Seksyen 5. Pemberikuasaan.

**BAHAGIAN III**

**PELESENAN**

Seksyen 6. Hiburan tanpa lesen dilarang.

Seksyen 7. Larangan terhadap penjualan tiket *dsb.*, untuk hiburan tanpa lesen.  
Seksyen 8. Permohonan untuk mendapatkan lesen  
Seksyen 9. Pemberian lesen.  
Seksyen 10. Fi lesen.  
Seksyen 11. Syarat atau sekatan.  
Seksyen 12. Tempoh lesen.  
Seksyen 13. Pembaharuan lesen bukan suatu hak.  
Seksyen 14. Lesen hendaklah dipamerkan.  
Seksyen 15. Cagaran.  
Seksyen 16 Pembatalan lesen.  
Seksyen 17. Rayuan.

#### **BAHAGIAN IV**

##### **KUASA UNTUK MENYIASAT, MENANGKAP, MENYITA, MELUCUTHAKKAN *DSB.***

Seksyen 18. Kuasa untuk masuk dan menyiasat.  
Seksyen 19. Kuasa menutup tempat hiburan.  
Seksyen 20. Kuasa untuk menghendaki butir-butir.  
Seksyen 21. Penangkapan.  
Seksyen 22. Penggeledahan.  
Seksyen 23. Penyitaan.  
Seksyen 24. Pelucuthakan.  
Seksyen 25. Pelucuthakan jika ada pendakwaan.  
Seksyen 26. Pelucuthakan jika tiada pendakwaan.  
Seksyen 27. Kuasa pegawai polis tidak disentuh.

#### **BAHAGIAN V**

##### **KESALAHAN DAN PENDAKWAAN**

Seksyen 28. Halangan.  
Seksyen 29. Sekatan ke atas penjualan tiket tanpa kebenaran  
Seksyen 30. Penalti am.  
Seksyen 31. Liabiliti pengarah, *dsb.*  
Seksyen 32. Perjalanan pendakwan.  
Seksyen 33. Pengkompaun kesalahan.

#### **BAHAGIAN VI.**

##### **PELBAGAI**

Seksyen 34. Pengecualian.  
Seksyen 35. Kaedah-kaedah.  
Seksyen 36. Pemansuhan.

## **Tajuk Panjang & Mukadimah**

Suatu Enakmen untuk membuat peruntukan bagi pelesenan dan pengawalseliaan hiburan dan tempat-tempat hiburan; dan bagi perkara-perkara yang bersampingan dengannya.

[1 Mei 2003]

**MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG** oleh Kuasa Undangan Negeri Terengganu Darul Iman seperti berikut:

### **BAHAGIAN I - PERMULAAN**

#### **1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

Enakmen ini bolehlah dinamakan **Enakmen Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan 2002** dan hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

#### **2. Tafsiran**

Dalam Enakmen ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain –

“hiburan” termasuklah –

- (a) lakonan, opera, pantomin, lakonan, anekaragam, persembahan muzik, nyanyian, tarian, gimnastik, pertunjukan seni mempertahankan diri, gerak akrobatik dan silap mata, pertandingan kecantikan, tablo, tunjuk cara, peragaan dan pawai, yang dalamnya orang-orang hidup mengambil bahagian;
- (b) pertunjukan bunga api, alatan set, perhiasan peringatan dan rupa-makhluk-makhluk benar atau khayalan;
- (c) sarkas atau pameran binatang;
- (d) pameran model, bahan bacaan, gambar, fotograf, ukiran atau rupa-patung atau rupa-rupa lain berbentuk manusia atau binatang;

- (e) pameran filem sinematograf, tayangan gambar video dan pertunjukan boneka;
- (f) reproduksi atau siaran dengan apa-apa cara jua pun selain daripada telefoni atau telefoni radio, bagi apa-apa muzik, lagu atau ucapan, selain daripada yang berkaitan dengan sesuatu filem sinematograf;
- (g) mesin atau peranti yang, jika dimanipulasi, memberikan peluang untuk mendapati hadiah-hadiah dalam bentuk wang atau barang;
- (h) meja pin atau permainan video;
- (i) apa-apa jenis pertandingan sukan antara apa-apa bilangan orang atau binatang;
- (j) pertandingan terancang bagi permainan kemahiran atau nasib;
- (k) pesta perdagangan, pertanian atau industri yang terdiri daripada pameran, iklan atau jualan hasil atau bahan-bahan;
- (l) permainan-permainan komputer;
- (m) bagatelle, billiard, skittle pools dan snooker, miniature billard dan lain-lain permainan seumpamanya;
- (n) taman ria dan pesta ria;
- (o) bowling alley;
- (p) apa-apa kombinasi mana-mana bentuk hiburan yang tersebut di atas; atau
- (q) apa-apa hiburan lain yang diisytiharkan oleh Pihak Berkuasa Negeri dari semasa ke semasa melalui perintah dalam *Warta*;

di mana-mana tempat orang ramai dibenarkan memasukinya dengan atau tanpa bayaran wang atau apa-apa balasan lain;

"kaedah" ertinya mana-mana kaedah yang dibuat di bawah Enakmen ini;

"lesen" ertinya sesuatu lesen yang diberikan di bawah subseksyen 9 (1);

"Mahkamah" ertinya Mahkamah Majistret Kelas Pertama;

"meja pin" ertinya apa-apa meja, papan atau alatan lain, yang dikendalikan dengan syiling atau cakera, yang direka bentuk untuk membolehkan pengendalinya bermain suatu permainan yang kejayaannya diukur dengan pendorongan satu atau lebih daripada satu objek bergerak ke arah sasaran atau matlamat atau dengan pemerolehan suatu bilangan mata atau dengan kedua-duanya;

"orang" termasuklah suatu kumpulan orang-orang, koprat atau talc koprat, institusi, operasi, pertubuhan atau jabatan;

"orang diberi kuasa" ertinya Pegawai Pelesen atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Pegawai Pelesen secara bertulis di bawah seksyen 5;

"Pegawai Pelesen" ertinya mana-mana orang yang dilantik di bawah seksyen 3;

"pemunya" ertinya-

(a) tuan punya berdaftar bagi tanah atau premis;

(b) pemegang pajak bagi suatu pajakan termasuklah seorang pemegang pajak kecil bagi tanah atau premis, sama ada berdaftar atau tidak;

(c) ejen atau pemegang amanah bagi pemunya yang diperihalkan dalam perenggan (a) dan (b), jika pada pendapat Pegawai Pelesen mana-mana daripada orang-orang itu tidak dapat dikesan atau, jika mana-mana daripada orang-orang itu telah mati, wakilnya yang sah di sisi undang-undang; atau

(d) orang yang pada masa itu menyewa premis yang berkaitan dengannya perkataan itu digunakan, sama ada bagi faedahnya sendiri atau sebagai ejen atau pemegang amanah bagi mana-mana orang lain atau sebagai penerima atau, yang akan menerima sewa jika premis itu disewakan kepada seorang tenan;

"penduduk" ertinya orang yang sebenarnya menduduki tanah atau premis yang mengenainya perkataan itu digunakan, atau yang berhak menjaga, menguruskan atau mengawalinya, sama ada bagi faedah sendiri atau sebagai ejen seorang lain, tetapi tidak termasuk seorang penginap;

"Pihak Berkuasa Tempatan" ertinya mana-mana Pihak Berkuasa Tempatan yang ditubuhkan di dalam Negeri Terengganu di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*] atau mana-mana undang-undang lain yang berhubungan dengan penubuhan kerajaan tempatan, dan termasuklah mana-mana orang yang menjalankan fungsi-fungsi Pihak Berkuasa Tempatan di bawah mana-mana undang-undang sedemikian;

"premis" termasuklah mensuaj, rumah, rumah kediaman, gudang, kedai, rumah kedai, kepungan beratap, tenemen, ismen dan hereditemen dan apa-apa pemegangan, sama ada terbuka atau terkepung, sama ada awam atau persendirian, sama ada dibina di atasnya atau tidak, dan mana-mana bangunan lain dalam mana-mana orang-orang adalah terlibat dengan hiburan;

"syarat atau sekatan" ertinya syarat atau sekatan yang tertakluk kepadanya lesen diberikan di bawah subseksyen 9 (1);

"tempat hiburan" ertinya mana-mana tempat yang di atasnya ada apa-apa binaan atau struktur, apa-apa premis atau bangunan, sama ada sementara atau kekal, atau apa-apa kenderaan di air atau mana-mana tempat lain yang di dalamnya atau di situ sesuatu hiburan diadakan atau dicadangkan hendak diadakan dan di situ orang ramai dibenarkan masuk dengan atau tanpa bayaran, dan termasuklah sesuatu taman hiburan.

## **BAHAGIAN II – PENTADBIRAN**

### **3. Pelantikan Pegawai Pelesen**

(1) Pihak Berkuasa Negeri boleh, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, melantik apa-apa bilangan Pegawai Pelesen yang difikirkannya perlu bagi maksud melaksanakan peruntukan-peruntukan Enakmen ini.

(2) Pemberitahuan tentang sesuatu pelantikan di bawah subseksyen (1) hendaklah menyatakan kawasan atau daerah yang di dalamnya Pegawai Pelesen itu boleh menjalankan kuasa-kuasa dan melaksanakan tanggungjawab-tanggungjawab yang diberikan atau dikenakan ke atasnya di bawah Enakmen ini atau mana-mana kaedah.

### **4. Kuasa Pihak Berkuasa Negeri untuk mengeluarkan arahan**

Pihak Berkuasa Negeri boleh dari semasa ke semasa memberi mana-mana Pegawai Pelesen arahan-arahan yang bersifat am dan tidak bertentangan dengan peruntukan-peruntukan Enakmen ini tentang perjalanan kuasa dan budi biacara yang diberikan kepada Pegawai Pelesen itu oleh Enakmen ini atau mana-mana kaedah dan Pegawai Pelesen itu hendaklah melaksanakan semua arahan sedemikian.

### **5. Pemberikuasaan**

Pegawai Pelesen boleh secara bertulis memberi kuasa mana-mana pegawai awam atau mana-mana pegawai atau pekerja mana-mana Pihak Berkuasa Tempatan untuk menjalankan fungsi-fungsi orang diberi kuasa di bawah Enakmen ini.

## **BAHAGIAN III – PELESENAN**

### **6. Hiburan tanpa lesen dilarang**

(1) Tiada seorang pun boleh mengadakan hiburan di mana-mana tempat melainkan jika Pegawai Pelesen telah memberikan-

(a) satu lesen untuk mengadakan hiburan itu; dan

(b) satu lesen untuk mengadakan hiburan di tempat itu.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

(3) Pemunya tempat hiburan di mana hiburan telah dijalankan tanpa lesen adalah telah melakukan suatu kesalahan di bawah subseksyen (1), melainkan jika pemunya dapat membuktikan kesalahan itu telah dilakukan oleh seseorang yang lain daripada pemunya, atau identiti orang yang melakukan kesalahan itu dapat dipastikan.

(4) Pemunya hendaklah memberi apa-apa maklumat dalam tempoh yang dikehendaki oleh seorang pegawai polis atau orang diberi kuasa supaya diberitahu tentang identiti dan alamat orang yang telah menjalankan aktiviti hiburan tersebut pada atau lebih kurang masa kesalahan yang dikatakan itu, dan apa-apa maklumat lain yang dikehendaki oleh pegawai polis atau orang diberi kuasa itu.

(5) Mana-mana penduduk yang telah atau yang sepatutnya telah menjaga atau mengawal tempat hiburan tersebut hendaklah, jika dikehendaki seperti tersebut di atas, memberi apa-apa maklumat yang mana adalah dalam kuasanya untuk memberi, dan yang boleh menyebabkan orang yang melakukan kesalahan itu dikenali.

(6) Jika adalah dibuktikan bahawa apa-apa perbuatan atau perkara dilakukan oleh atau ditinggal daripada dilakukan oleh mana-mana orang yang menyalahi seksyen ini, maka hendaklah dianggap melainkan jika dibuktikan sebaliknya, bahawa kesalahan itu telah dilakukan oleh atau dengan kebenaran penduduk atau pemunya premis atau tanah itu.

(7) Jika apa-apa perbuatan atau perkara dilakukan atau ditinggal daripada dilakukan oleh seseorang ejen, penjawat atau pekerja dalam masa menjalankan tugasnya, dan perbuatan atau perkara itu menjadi suatu kesalahan di bawah subseksyen (1), (2) atau (3), maka prinsipal atau majikannya adalah melakukan kesalahan itu seolah-olah perbuatan atau perkara itu telah dilakukan atau ditinggal daripada dilakukan oleh prinsipal atau majikan itu, melainkan jika ia boleh membuktikan bahawa perbuatan atau perkara itu telah dilakukan tanpa dipersetujui, dibiarkan atau diketahuinya dan bahawa prinsipal atau majikan itu telah mengambil segala langkah berjaga-jaga yang munasabah dan melakukan usaha, yang sepatutnya bagi mengelakkan berlakunya kesalahan itu.

## **7. Larangan terhadap penjualan tiket dsb., untuk hiburan tanpa lesen**

(1) Tiada seorang pun boleh -

(a) memberikan, membahagi-bahagikan, menjual atau menawarkan untuk menjual apa-apa tiket untuk menghadiri, atau mengundang mana-mana orang untuk menghadiri, mana-mana hiburan atau menyebabkan apa-apa pemberian, pembahagian, penjualan, penawaran atau undangan sedemikian dibuat; atau

(b) dengan apa-apa cara lain mengiklankan atau menyentakan atau menyebabkan diiklan atau diserantakan apa-apa hiburan yang hendak diadakan di mana-mana tempat,

melainkan jika suatu lesen telah diberikan berkenaan dengan hiburan dan tempat itu.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

## **8. Permohonan untuk mendapatkan lesen**

(1) Sesuatu permohonan untuk mendapatkan sesuatu lesen hendaklah dibuat dalam borang yang ditetapkan dan hendaklah dikemukakan kepada Pegawai Pelesen.

(2) Bagi maksud menimbangkan sesuatu permohonan untuk mendapatkan sesuatu lesen, Pegawai Pelesen boleh menghendaki pemohon memberi apa-apa maklumat tambahan yang dikehendakinya.

(3) Tanpa menjejaskan subseksyen (2), bagi maksud menimbangkan sesuatu permohonan untuk mendapatkan lesen untuk mengadakan hiburan, Pegawai Pelesen boleh menghendaki pemohon mengemukakan kepadanya-

(a) skrip, jika ada, hiburan berkenaan;

(b) butir-butir mengenai orang-orang yang terlibat dalam penganjuran hiburan atau kepentingan-kepentingan yang diwakili oleh orang-orang itu;

(c) butir-butir mengenai orang-orang yang telah diundang atau bersetuju untuk mengambil bahagian dalam hiburan itu atau yang telah mengambil bahagian dalam hiburan itu dan kepentingan-kepentingan yang diwakilkan oleh orang-orang itu; dan

(d) tujuan yang baginya apa-apa keuetungan daripada hiburan itu dicadangkan hendak digunakan atau telah digunakan.

Bagi maksud seksyen ini, ungkapan "ship" berhubungan dengan sesuatu persembahan lakonan, ertinya teks lakonan itu (sama ada yang dinyatakan dengan perkataan atau muzikal atau notisi lain) serta dengan apa-apa arahan pentas atau arahan lain bagi persembahannya, sama ada terkandung dalam satu dokumen tunggal atau tidak.



## **9. Pemberian lesen**

(1) Tertakluk kepada seksyen 10, Pegawai Pelesen boleh mengikut budi bicaranya, memberikan lesen atau enggan memberikan lesen yang dipohon di bawah seksyen 8.

(2) Lesen untuk mengadakan hiburan di atau di dalam mana-mana tempat tidak boleh diberikan melainkan jika ada suatu lesen yang sah berkenaan dengan tempat itu.

(3) Lesen berkenaan dengan mana-mana tempat tidak boleh diberikan di dalam mana-mana kawasan Pihak Berkuasa Tempatan melainkan jika pemohon mengemukakan-

(a) lesen yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan itu; atau

(b) kelulusan bertulis daripada Pihak Berkuasa Tempatan itu,

yang membenarkan tempat itu digunakan sebagai tempat hiburan.

## **10. Fi lesen**

(1) Sesuatu lesen hanya boleh dikeluarkan selepas pemohon membayar fi yang ditetapkan

(2) Pegawai Pelesen hendaklah membayar masuk semua fi yang dikutip di bawah subseksyen (1) ke dalam-

(a) Kumpulan Wang Negeri disatukan; atau

(b) jika diarahkan sedemikian oleh Pihak Berkuasa Negeri, kumpulan wang mana-mana Pihak Berkuasa Tempatan atau mana-mana kumpulan wang lain.

## **11. Syarat atau sekatan**

(1) Tiap-tiap lesen hendaklah tertakluk kepada apa-apa syarat atau sekatan yang dikenakan oleh Pegawai Pelesen.

(2) Mana-mana pemegang lesen yang melanggar mana-mana syarat atau sekatan adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

## **12. Tempoh lesen**

Sesuatu lesen hendaklah sah selama tempoh yang ditentukan oleh Pegawai Pelesen, tetapi dalam mana-mana keadaan, tidak boleh melebihi satu tahun.

## **13. Pembaharuan lesen bukan suatu hak**

Sesuatu lesen tidaklah boleh diperbaharui sebagai suatu hak dan sesuatu permohonan untuk memperbaharui sesuatu lesen hendaklah dikira sebagai permohonan untuk mendapatkan lesen di bawah seksyen 8.

## **14. Lesen hendaklah dipamerkan**

(1) Setiap pemegang lesen hendaklah pada setiap masa mempamerkan di tempat ketara di tempat hiburan-

(a) lesen berkenaan dengan tempat hiburan itu; dan

(b) lesen berkenaan dengan hiburan yang diadahkan di tempat hiburan itu.

(2) Mana-mana pemegang lesen yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan satu kesalahan.

## **15. Cagaran**

(1) Pegawai Pelesen boleh, sebelum memberikan sesuatu lesen di bawah Enakmen ini, menghendaki mana-mana orang supaya memberikan cagaran, yang tidak boleh melebihi dua puluh ribu ringgit, dalam bentuk yang ditentukan oleh Pegawai Pelesen bagi memastikan bahawa apa-apa syarat atau sekatan lesen itu atau peruntukan-peruntukan Enakmen ini atau mana-mana kaedah adalah dipatuhi dengan sewajarnya.

(2) Pegawai Pelesen boleh, selepas memberi pemegang lesen peluang untuk didengar, melucuthakkan kesemua atau sebahagian daripada cagaran itu jika Pegawai Pelesen itu

berpuas hati bahawa terdapat pelanggaran mana-mana syarat atau sekatan lesen itu atau pelanggaran mana-mana peruntukan Enakmen ini atau mana-mana kaedah.

(3) Walau apa pun subseksyen (2), pelucuthakan apa-apa cagaran atau mana-mana bahagiannya di bawah subseksyen itu tidaklah boleh ditafsirkan sebagai menghalang pendakwaana mana-mana orang kerana melanggar mana-mana syarat atau sekatan sesuatu lesen atau melanggar mana-mana peruntukan Enakmen ini atau mana-mana kaedah.

(4) Pegawai Pelesen hendaklah membayar masuk apa-apa cagaran yang dilucuthakan di bawah subseksyen (2) ke dalam-

(a) Kumpulan Wang Negeri disatukan; atau

(b) jika diarahkan sedemikian oleh Pihak Berkuasa Negeri, kumpulan wang mana-mana Pihak Berkuasa Tempatan atau mana-mana kumpulan wang lain.

## **16. Pembatalan lesen**

(1) Pegawai Pelesen boleh, pada bila-bila mana, melalui notis bertulis yang disampaikan mengikut subseksyen (2) dan (3), membatalkan sesuatu lesen jika telah berlaku pelanggaran mana-mana syarat atau sekatan lesen itu atau pelanggaran mana-mana peruntukan Enakmen ini atau mana-mana kaedah.

(2) Tiap-tiap notis pembatalan sesuatu lesen hendaklah diserahkan dengan-

(a) menampalkan sesalinan notis itu di tempat hiburan; dan

(b) menyerahkan sesalinan notis itu –

(i) kepada orang yang didapati menjaga dan menguruskan tempat hiburan itu; dan

(ii) kepada pemegang kesen jika orang yang disebut dalam subperenggan (i) bukan pemegang lesen.

(3) Jika notis pembatalan lesen tidak dapat diserahkan mengikut subperenggan (2) (b) (ii), Pegawai Pelesen boleh menyerahkan notis pembatalan lesen kepada pemegang lesen dengan menghantar notis itu melalui pos berdaftar kepada pemegang lesen di alamat yang dinyatakan dalam borang permohonan untuk mendapat lesen itu; dan tiap-tiap notis yang dihantar melalui pos berdaftar mengikut subseksyen ini hendaklah disifatkan telah disampaikan dengan sewajarnya mengikut dan dengan mematuhi kehendak seksyen ini.

(4) Pembatalan sesuatu lesen tidak boleh ditafsirkan sebagai menghalang pendakwaana mana-mana orang kerana melanggar mana-mana syarat atau sekatan

lesen itu atau melanggar mana-mana peruntukan Enakmen ini atau mana-mana kaedah.

## **17. Rayuan**

(1) Mana-mana orang yang terkilan dengan -

- (a) keputusan Pegawai pelesen di bawah seksyen 9 yang enggan memberinya lesen;
- (b) mana-mana syarat atau sekatan yang dikenakan oleh Pegawai Pelesenan di bawah subseksyen 11 (1);
- (c) pelucuthakan cagaran di bawah subseksyen 16 (1),
- (d) pembatalan lesennya di bawah subseksyen 16 (1),

boleh dalam masa tiga puluh hari dari tarikh dia diberitahu secara bertulis tentang keputusan, syarat, sekatan, pelucuthakan atau pembatalan itu, merayu kepada Pihak Berkuasa Negeri.

(2) Tiap-tiap rayuan kepada Pihak Berkuasa Negeri hendaklah dialamatkan kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu.

(3) Pihak Berkuasa Negeri boleh mengesahkan atau mengetepikan keputusan Pegawai Pelesen dan keputusan Pihak Berkuasa Negeri adalah muktamad dan konklusif dan tidak boleh dipersoalkan atau berupaya dipersoalkan di mana-mana Mahkamah.

## **BAHAGIAN IV – KUASA UNTUK MENYIASAT, MENANGKAP, MENYITA, MELUCUTHAKKAN *DSB*.**

### **18. Kuasa untuk masuk dan menyiasat**

(1) Mana-mana pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor atau mana-mana orang diberi kuasa boleh, tanpa waran dan untuk tujuan menentukan sama ada syarat-syarat atau sekatan-sekatan sesuatu lesen atau peruntukan-peruntukan Enakmen ini atau mana-mana kaedah dipatuhi-

- (a) memasuki mana-mana tempat hiburan; dan
- (b) menjalankan apa-apa penyiasatan di tempat hiburan itu.

(2) Adalah sah di sisi undang-undang bagi mana-mana pegawai polis atau orang diberi kuasa di bawah subseksyen (1) menggunakan kekerasan yang munasabah dan perlu bagi memasuki ke dalam sesuatu tempat hiburan itu.

(3) Bagi maksud penyiasatan di bawah subseksyen (1), pegawai polis atau orang diberi kuasa yang disebut dalam subseksyen itu boleh-

(a) memasuki mana-mana tempat hiburan; dan

(b) menghendaki mana-mana orang yang mengemukakan apa-apa barang, buku, rekod, akaun, tiket, dokumen atau benda lain atau memberikan apa-apa maklumat yang difikirkan perlu oleh pegawai polis atau orang diberi kuasa itu;

(c) memeriksa, membuat salinan, atau mengambil petikan daripada, apa-apa barang, buku, rekod, akaun, tiket, dokumen atau benda lain; atau

(d) memecah, memeriksa dan menggeledah apa-apa barang, bekas atau bejana.

(4) Mana-mana pegawai polis dan orang diberi kuasa yang berupa sebagai menjalankan apa-apa kuasa di bawah seksyen ini hendaklah, apabila diminta oleh mana-mana orang, menunjukkan surat kuasanya kepada orang itu.

### **19. Kuasa menutup tempat hiburan**

Mana-mana pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor atau mana-mana orang diberi kuasa yang menjalankan kuasa di bawah seksyen 18 boleh, tanpa menjejaskan perjalanan selanjutnya kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen itu, dengan serta merta mengambil langkah-langkah yang difikirkannya perlu untuk menutup sesuatu tempat hiburan jika dia berpuas hati bahawa-

(a) telah berlaku pelanggaran mana-mana syarat atau sekatan lesen yang dikeluarkan; atau

(b) hiburan yang diadakan di dalamnya melanggar mana-mana peruntukan Enakmen ini atau mana-mana kaedah.

### **20. Kuasa untuk menghendaki butir-butir**

Mana-mana pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor atau mana-mana orang diberi kuasa boleh menghendaki mana-mana orang yang semunasabah dipercayai olehnya telah melakukan suatu kesalahan di bawah Enakmen ini atau mana-mana kaedah memberikan nama, nombor kad pengenalan dan alamatnya.

## **21. Penangkapan**

(1) Mana-mana pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor atau mana-mana orang diberi kuasa boleh menangkap tanpa waran-

(a) mana-mana orang yang semunasabahnya dipercayai olehnya telah melakukan suatu kesalahan di bawah Enakmen ini atau mana-mana kaedah;

(b) mana-mana orang yang enggan memberikan nama atau alamatnya apabila diminta ; atau

(c) mana-mana orang yang memberikan nama dan alaminya tetapi pegawai polis atau orang diberi kuasa itu ada sebab untuk percaya bahawa nama atau alamat yang diberikan bukanlah nama atau alamatnya yang sebenar.

(2) Mana-mana orang yang ditangkap di bawah subseksyen (1) hendaklah dibawa ke balai polis yang paling hamper dan hendaklah dibawa ke hadapan mahkamah dalam masa dua puluh empat jam dari penangkapannya, tetapi seseorang yang ditangkap di bawah perenggan (1) (b) atau (1) (c) hendaklah dilepaskan atas jaminan jika nama dan alamatnya dapat dipastikan sebelum itu.

## **22. Pengeledahan**

(1) Jika mana-mana Majistret, atas maklumat bertulis dan selepas siasatan yang difikirkannya perlu, mempunyai sebab untuk percaya bahawa -

(a) suatu kesalahan di bawah Enakmen ini atau mana-mana kaedah telah atau sedang dilakukan di mana-mana tempat; atau

(b) apa-apa keterangan atau benda yang perlu untuk penyiasatan apa-apa kesalahan di bawah Enakmen ini atau mana-mana kaedah boleh ditemui di mana-mana tempat,

dia boleh, melalui waran membenarkan mana-mana pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor atau mana-mana orang diberi kuasa yang dinamakan dalam waran itu, dengan atau tanpa apa-apa bantuan yang diperlukan oleh pegawai polis atau orang diberi kuasa itu, masuk dan menggeledah tempat itu.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), jika mana-mana pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor atau mana-mana orang diberi kuasa adalah alasan yang munasabah untuk percaya bahawa-

(a) suatu kesalahan di bawah Enakmen ini atau mana-mana kaedah telah atau sedang dilakukan di mana-mana tempat; dan

(b) oleh sebab apa-apa kelengahan untuk mendapatkan waran geledah tujuan penggeledahan itu mungkin akan terkecewa,

maka pegawai polis atau orang diberi kuasa itu boleh, dengan atau tanpa bantuan, memasuki dan menggeledah tempat itu dan memeriksa mana-mana orang yang semunasabahnya dipercayai olehnya mempunyai kaftan dalam pengurusan atau penganjuran apa-apa hiburan atau menjadi pekhidmat atau ejen penganjur hiburan itu atau tuan punya tempat hiburan itu.

(3) Tiada seorang perempuan pun boleh diperiksa di bawah seksyen ini kecuali oleh orang perempuan.

### **23. Penyiasatan**

(1) Mana-mana pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor atau mana-mana orang diberi kuasa yang menjalankan kuasa-kuasa di bawah seksyen 18 atau 22 boleh menyita apa-apa borang, buku, rekod, akaun, tiket, dokumen atau benda yang semunasabahnya dipercayai olehnya sebagai mempunyai kaftan dengan, atau dapat memberikan keterangan tentang, pelakuan sesuatu kesalahan di bawah Enakmen ini atau mana-mana kaedah.

(2) Pegawai polis atau orang diberi kuasa yang menyita apa-apa borang, buku, rekod, akaun, tiket, dokumen atau benda di mana-mana tempat di bawah subseksyen (1), hendaklah menyediakan suatu senarai barang, buku, rekod, akaun, tiket, dokumen atau benda yang disita dan dengan segera menyerahkan sesalinan yang ditandatangani olehnya kepada penghuni atau tuan punya tempat itu, atau pekhidmat atau ejen, penghuni atau tuan punya tempat itu, yang berada di tempat itu.

### **24. Pelucuthakan**

Semua barang, buku, rekod, akaun, tiket, dokumen atau benda yang disita di bawah Enakmen ini boleh dilucuthakkan

## **25. Pelucuthakan jika ada pendakwaan**

(1) Jika ada pendakwaan yang melibatkan apa-apa borang, buku, rekod, akaun, tiket, dokumen atau benda yang disita di bawah Enakmen ini, maka pelucuthakan atau pelepasan mana-mana barang, buku, rekod, akaun, tiket, dokumen atau benda sedemikian hanya boleh dibuat mengikut perintah Mahkamah yang di hadapannya pendakwaan itu telah diadakan.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), jika dibuktikan sehingga Mahkamah berpuas hati bahawa-

(a) suatu kesalahan terhadap mana-mana peruntukan Enakmen ini atau mana-mana kaedah telah dilakukan; dan

(b) mana-mana barang, buku, rekod, akaun, tiket, dokumen atau benda ialah hal perkara bagi atau telah digunakan dalam melakukan kesalahan itu,

Mahkamah hendaklah melucuthakan barang, buku, rekod, akaun, tiket, dokumen atau benda itu walaupun tiada seorang pun telah disabitkan atas kesalahan itu.

(3) Semua barang, buku, rekod, akaun, tiket, dokumen atau benda yang dilucuthakan di bawah seksyen ini hendaklah diserahkan pada Pegawai Pelesen dan hendaklah dilupuskan mengikut arahan Pegawai Pelesen itu.

## **26. Pelucuthakan jika tiada pendakwaan**

(1) Jika tiada pendakwaan yang melibatkan apa-apa barang, buku, rekod, akaun, tiket, dokumen atau benda yang telah disita di bawah Enakmen ini, maka barang, buku, rekod, akaun, tiket, dokumen atau benda itu hendaklah diambil dan disifatkan telah terlucuthak kepada Pegawai Pelesen apabila tamat tempoh satu bulan kalendar dari tarikh penyitaannya melainkan jika suatu tuntutan telah dibuat baginya sebelum tamat tempoh itu mengikut cara yang dinyatakan dalam subseksyen (2).

(2) Mana-mana orang yang mengatakan bahawa dia adalah pemunya apa-apa barang, buku, rekod, akaun, tiket, dokumen atau benda yang disita di bawah Enakmen ini dan bahawa barang, buku, rekod, akaun, tiket, dokumen atau benda itu tidak boleh dilucuthakan boleh, sama ada sendiri atau melalui ejennya yang diberi kuasa secara bertulis, memberikan notis bertulis kepada Pegawai Pelesen bahawa dia menuntut barang, buku, rekod akaun, tiket, dokumen atau benda yang disita itu.

(3) Apabila Pegawai Pelesen menerima notis di bawah subseksyen (2), dia boleh mengarahkan supaya barang, buku, rekod, akaun, tiket, dokumen atau benda itu dilepaskan atau supaya perkara itu dirujuk kepada seorang Majistret.



(4) Majistret yang kepadanya rujukan dibuat di bawah subseksyen (3) hendaklah mengeluarkan saman menghendaki -

(a) orang yang menuntut bahawa dia adalah pemunya barang, buku, rekod, akaun, tiket, dokumen atau benda itu disita; dan

(b) orang yang daripadanya barang, buku, rekod, akaun, tiket, dokumen atau benda itu disita,

hadir di hadapannya pada hari yang ditetapkan dalam saman itu.

(5) Pada hari yang ditetapkan di bawah subseksyen (4) dan setelah dibuktikan bahawa saman telah disampaikan dengan sewajarnya kepada setiap orang yang disebut dalam perenggan 4 (a) dan 4 (b), Majistret hendaklah terns memeriksa perkara itu, walaupun mana-mana orang itu tidak hadir.

(6) Jika, setelah selesai pemeriksaan yang dibuat di bawah subseksyen (5), berkenaan dengan sesuatu barang, buku, rekod, akaun, tiket, dokumen atau benda, Majistret berpuas hati bahawa-

(a) suatu kesalahan terhadap mana-mana peruntukan Enakmen ini atau mana-mana kaedah telah dilakukan; dan

(b) barang, buku, rekod, akaun, tiket, dokumen atau benda itu ialah hal perkara bagi atau telah digunakan dalam melkkukan kesalahan itu,

Majistret itu hendaklah memerintahkan perlucuthakan barang, buku, rekod, akaun, tiket, dokumen atau benda itu; tetapi jika Majistret tidak berpuas hati sedemikian, dia hendaklah memerintahkan supaya barang, buku, rekod, akaun, tiket, dokumen atau benda itu dilepaskan dan diserahkan kepada orang yang pada pendapatnya berhak kepada barang, buku, rekod, akaun, tiket, dokumen atau benda itu.

## **27. Kuasa pegawai polis tidak disentuh**

Tiada apa-apa jua dalam Bahagian ini boleh disifatkan sebagai menyentuh kuasa-kuasa seorang pegawai polis di bawah Kanun Tatacara Jenayah [N.M.B Bab 6].

## **BAHAGIAN V – KESALAHAN DAN PENDAKWAAN**

### **28. Halangan**

Mana-mana orang yang –

- (a) menghalang mana-mana pegawai polis atau orang diberi kuasa yang dengan sah menjalankan apa-apa kuasa yang diberikan kepadanya oleh atau di bawah Enakmen ini atau mana-mana kaedah;
- (b) apabila dikehendaki oleh pegawai polis atau orang diberi kuasa itu supaya mengemukakan apa-apa barang, buku, rekod, akaun, tiket, dokumen atau benda lain yang dia berkuasa atau sepatutnya berkuasa dalam perjalanan biasa urusan mengemukakannya, gagal mengemukakan kepada, atau menyembunyikan atau cuba untuk menyembunyikan daripada pegawai polis atau orang yang diberi kuasa itu;
- (c) apabila dikehendaki oleh pegawai polis atau orang diberi kuasa tidak, enggan atau mengabaikan memberikan kepada pegawai polis atau orang diberi kuasa itu apa-apa maklumat yang boleh semunasabahnya dikehendaki daripadanya dan di mana beliau diberi kuasa memberikannya, atau memberikan maklumat yang palsu atau yang mengelirukan; atau
- (d) menghalang penyitaan apa-apa barang, buku, rekod, akaun, tiket, dokumen atau benda lain di bawah seksyen 23 atau penutupan mana-mana tempat hiburan di bawah seksyen 19,

adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

### **29. Sekatan ke atas penjualan tiket tanpa kebenaran**

(1) Tiada seorang pun boleh menjual, atau menawarkan atau mempamerkan atau ada dalam miliknya untuk jualan, atau memujuk rayu supaya dibeli, apa-apa tiket yang membenarkan atau berupa sebagai membenarkan kemasukan ke mana-mana tempat hiburan kecuali di pejabat penjualan tiket, gerai, pintu putar atau kaunter atau mana-mana tempat lain yang ditetapkan oleh tuan punya atau pengurus tempat itu atau oleh pengelola hiburan yang diadakan di dalamnya.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya

### **30. Penalti am**

Mana-mana orang yang melakukan suatu kesalahan di bawah Enakmen ini atau mana-mana kaedah yang baginya tiada penalti diperuntukkan dengan nyata boleh apabila disabitkan didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

### **31. Liabiliti pengarah, dsb.**

(1) Jika sesuatu kesalahan di bawah Enakmen ini atau mana-mana kaedah telah dilakukan oleh suatu kumpulan orang, sama ada diperbadankan atau tidak diperbadankan, maka mana-mana orang yang pada masa kesalahan itu dilakukan ialah seorang pengarah, pengurus, setiausaha atau selainnya bertanggungjawab bagi pengurusan kumpulan orang itu, atau yang berupa sebagai bertindak atas sifat sedemikian, hendaklah disifatkan telah melakukan kesalahan itu melainkan jika dia membuktikan bahawa-

(a) kesalahan itu telah dilakukan tanpa persetujuannya atau tanpa pembiarannya; dan

(b) dia telah menjalankan segala usaha untuk mencegah pelakuan kesalahan itu sebagaimana yang sepatutnya telah dijalankan olehnya memandangkan jenis fungsi-fungsi atas sifat itu dan memandangkan semua hal keadaan.

(2) Mana-mana orang yang melakukan suatu kesalahan jika apa-apa jua telah dilakukan atau ditinggalkan olehnya sendiri adalah juga disifatkan melakukan kesalahan itu dan boleh dikenakan penalti yang sama jika perbuatan atau ketinggalan itu telah dilakukan oleh pekongsi, ejen atau pekhidmatnya dalam perjalanan urusan perkongsian itu atau dalam perjalanan pekerjaannya, mengikut mana-mana yang berkenaan, melainkan jika dia membuktikan bahawa-

(a) kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuan atau persetujuannya; dan

(b) dia telah mengambil segala langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk mencegah pelakuan atau peninggalan perkara itu.

(3) Tiada apa-apa jua dalam subseksyen (2) boleh melepaskan pekongsi, ejen atau pekhidmat yang disebut dalam subseksyen itu daripada menjadi boleh didakwa.

### **32. Perjalanan pendakwaan**

Pendakwaan berkenaan dengan kesalahan-kesalahan yang dilakukan di bawah Enakmen ini atau mana-mana kaedah boleh dijalankan oleh-

- (a) Pegawai Pelesen;
- (b) mana-mana pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor; atau
- (c) mana-mana orang,

yang diberi kuasa secara bertulis oleh Timbalan Pendakwa Raya.

### **33. Pengkompaun kesalahan**

(1) Pegawai Pelesen boleh mengkompaunkan mana-mana kesalahan di bawah Enakmen ini atau mana-mana kaedah yang ditetapkan sebagai kesalahan yang boleh dikompaunkan dengan menyetujui terima daripada orang yang semunasabahnya disyaki telah meakkukan kesalahan itu sejumlah wang yang tidak melebihi lima puluh peratus daripada denda maksimum yang dengannya kesalahan itu boleh dihukum.

(2) Apabila jumlah wang yang tersebut dalam subseksyen (1) disetujui terima berkenaan dengan sesuatu kesalahan daripada orang yang disebut dalam subseksyen itu, tiada prosiding selanjutnya boleh diambil terhadap orang itu berkenaan dengan kesalahan itu dan apa-apa barang, buku, rekod, akaun, tiket, dokumen atau benda yang disita berkaitan dengan kesalahan itu bolehlah dilepaskan, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang dikenakan oleh Pegawai Pelesen yang mengkompaunkan kesalahan itu.

(3) Pegawai Pelesen hendaklah membayar masuk semua jumlah wang yang disetujui terima di bawah subseksyen (1) ke dalam-

- (a) Kumpulan Wang Disatukan Negeri; atau
- (b) jika diarahkan sedemikian oleh Pihak Berkuasa Negeri, kumpulan wang mana-mana Pihak Berkuasa Tempatan atau mana-mana kumpulan wang lain.

## BAHAGIAN VI – PELBAGAI

### 34. Pengecualian

Pihak Berkuasa Negeri boleh mengikut budi bicaranya mengecualikan-

- (a) mana-mana hiburan atau kelas hiburan; atau
- (b) mana-mana tempat hiburan atau kelas tempat hiburan,

daripada mana-mana peruntukan Enakmen ini atau mana-mana kaedah jika hiburan itu dimaksudkan secara eksklusif untuk tujuan-tujuan keagamaan, pendidikan atau khairat.

### 35. Kaedah-kaedah

(1) Pihak Berkuasa Negeri boleh membuat kaedah-kaedah untuk menetapkan apa-apa jua yang dikehendaki oleh Enakmen ini supaya ditetapkan dan bagi melaksanakan peruntukan-peruntukan Enakmen ini dengan lebih baik.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan makna subseksyen (1), kaedah-kaedah boleh dibuat bagi maksud-

- (a) melarang atau mengawal selia apa-apa jenis hiburan atau penggunaan apa-apa jenis alat, kelengkapan atau peranti di mana-mana tempat hiburan;
- (b) menghendaki ada jalan keluar, pengudaraan, pencahayaan, langkah-langkah pencegahan kebakaran, kemudahankemudahan kebersihan dan kemudahan-kemudahan awam lain yang munasabah yang mencukupi di tempat-tempat hiburan;
- (c) mengawal selia perilaku pelakon, penyanyi, dan penghibur lain, skrip, persembahan, pakaian dan alat-alat yang digunakan dalam mana-mana hiburan;
- (d) memastikan orang-orang yang mengunjungi mana-mana tempat hiburan berkelakuan sopan dan teratur;
- (e) menetapkan langkah-langkah yang mesti diambil oleh pemegang lesen sesuatu tempat hiburan demi keselamatan orang-orang di tempat hiburan itu, termasuk melarang dibawa masuk ke tempat itu apa-apa jua yang boleh membahayakan orang atau harta;
- (f) menetapkan jenis-jenis kesalahan yang boleh dikompaunkan dan prosedur-prosedur bagi mengkompaunkan kesalah-kesalahan itu;

(g) menetapkan apa-apa fi yang bagi maksud-maksud Enakmen ini;

(h) menetapkan boring-borang bagi permohonan untuk mendapatkan lesen dan bentuk-bentuk lesen yang akan dikeluarkan di bawah Enakmen ini.

(3) Kaedah-kaedah yang dibuat di bawah seksyen ini boleh memperuntukkan bahawa apa-apa perbuatan atau ketinggalan yang melanggar mana-mana peruntukan kaedah-kaedah itu adalah suatu kesalahan dan bahawa mana-mana orang yang disabitkan atas kesalahan itu boleh didenda atau dipenjarakan atau kedua-duanya, tetapi penalti itu tidak boleh melebihi-

(a) bagi denda, dua ribu ringgit; dan

(c) bagi tempoh penjara, satu tahun.

### **36. Pemansuhan**

(1) Tertakluk kepada subseksyen (2), apabila Enakmen ini mula berkuat kuasa, Undang-Undang Panggung Wayang dan Tempat-Tempat Penghiburan Hiburan Am Tahun 1963 [*En. Tr. No. 5/1963*] (selepas ini disebut "Undang-Undang termansuh") hendaklah terhenti berkuat kuasa dan hendaklah disifatkan telah dimansuhkan di Negeri Terengganu.

(2) Walau apa pun subseksyen(1)-

(a) tiada apa-apa jua yang terkandung dalam Enakmen ini boleh menghalang mana-mana orang daripada didakwa atau di hukum di bawah Undang-Undang termansuh bagi apa-apa kesalahan yang dilakukan di bawah Undang-Undang termansuh mula berkuat kuasanya Enakmen ini;

(b) apa-apa prosiding di bawah undang-undang termansuh yang belum diputuskan sebelum mula berkuat kuasanya Enakmen ini hendaklah diteruskan di bawah undang-undang termansuh seolah-olah Enakmen ini tidak dibuat;

(c) apa-apa lesen yang telah dikeluarkan di bawah undang-undang termansuh hendaklah terus berkuat kuasa dan mempunyai kuat kuasa sehingga tamat tempoh yang baginya ia telah diberikan, tetapi ia hendaklah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Enakmen ini dan mana-mana kaedah dan ia boleh dibatalkan di bawah dan mengikut Enakmen ini;

(d) apa-apa pelantikan atau pemberikuasaan yang dibuat di bawah undang-undang termansuh hendaklah terus berkuat kuasa dan mempunyai kuat kuasa seolah-olah ia telah dibuat di bawah Enakmen ini, sehinggalah pelantikan atau pemberikuasaan itu dibatalkan atau digantikan di bawah Enakmen.

